

JOHOR CORPORATION,
LEVEL 11, MENARA KOMTAR
JOHOR BAHRU CITY CENTRE
80000 JOHOR BAHRU.
TEL: 07-2192692
FAX: 07-2233175



KENYATAAN MEDIA

JCorp WiFi Percuma Untuk Johor

JOHOR BAHRU, 28 JANUARI 2018: Akses kepada internet menjadi lebih mudah bagi rakyat Johor dengan pelancaran JCorp WiFi melibatkan pemasangan lebih 800 hotspot kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi secara percuma ke setiap daerah di negeri ini.

Kemudahan jalur lebar (WiFi) dikenali JCorp WiFi itu adalah inisiatif terbaharu Johor Corporation yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Besar Johor di sini, hari ini. Mengiringi beliau bagi menyempurnakan pelancaran tersebut adalah Yang Berhormat Dato' Kamaruzzaman Abu Kassim, Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation dan Azizi A. Hadi, Ketua Pegawai Eksekutif, TM ONE.

Projek JCorp WiFi dengan kerjasama Telekom Malaysia Berhad (TM) melalui TM ONE, akan menyediakan kemudahan perkhidmatan WiFi berkelajuan tinggi di seluruh negeri Johor. Lebih 800 hotspot dibangunkan melalui inisiatif ini meliputi daerah Segamat, Muar, Ledang, Batu Pahat, Mersing, Kluang, Kota Tinggi serta Johor Bahru dan kawasan-kawasan hotspot akan terus diperluaskan di masa hadapan.

"Sebagai unit cabang perniagaan TM, TM ONE menyasarkan untuk merealisasikan transformasi digital rakan strategik TM dengan menawarkan perkhidmatan telekomunikasi dan ICT yang holistik. Dan melalui perkhidmatan pengurusan rangkaian and infrastruktur TM ONE, JCorp WiFi bakal memberi kemudahan kepada warga Johor untuk menikmati akses WiFi terbaik di lokasi-lokasi strategik selaras dengan aspirasi TM, 'Hidup Lebih Mudah'.

TM ONE juga menyediakan penyelesaian WiFi, perkhidmatan pusat panggilan, pengurusan halaman arahan (halaman yang membolehkan JCorp dan QSR Brands menyesuaikan iklan pemasaran mereka mengikuti arah aliran pasaran), pelaporan data dan analisis serta platform iklan. TM ONE akan terus memainkan peranan untuk meneroka lebih banyak inisiatif bagi mengukuhkan peranan kami sebagai pemacu utama bagi mempercepat penerimaan gaya hidup digital dalam kalangan rakyat

Malaysia, termasuklah warga negeri Johor dan seterusnya merealisasikan aspirasi Ekonomi Digital negara," jelas Azizi A. Hadi.

JCorp WiFi yang dapat diakses secara percuma 24 jam merupakan inisiatif transformasi digital kami bagi menyediakan akses untuk terus berhubung pada setiap masa serta meningkatkan pengalaman pelanggan dalam talian', kata Yang Berhormat Dato' Kamaruzzaman Abu Kassim, Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation.

'Projek ini dilaksanakan secara berperingkat mulai November 2017 dan dijangka siap sepenuhnya pada Februari 2018'.

Dato' Mohamed Khaled Nordin pula berkata, inisiatif pelaksanaan JCorp WiFi ini merupakan satu daripada Titik Sentuhan Bajet Johor 2018 yang bernilai RM2 juta setahun untuk lima tahun tempoh operasi.

"Matlamat utama pelaksanaannya adalah untuk memastikan lebih ramai rakyat di seluruh Johor memperoleh akses internet berkelajuan tinggi secara percuma. Ini sejajar dengan aspirasi Kerajaan Negeri yang mahu pelaksanaan pembangunan di negeri ini bersifat inklusif.

"Menerusi program ini ia juga dapat merapatkan jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar," kata beliau yang juga Pengerusi Johor Corporation.

Pertambahan hotspot melalui JCorp WiFi akan menyebarkan lagi penggunaan internet seterusnya meningkatkan kepesatan perkembangan bisnes dalam kalangan rakyat terutama bagi memasarkan produk secara efisien mengikut trend terkini.

Sementara itu, Johor Corporation menerusi QSR Brands (M) Holdings Bhd, khususnya di negeri Johor telah menyediakan lebih dari 200 hotspot di kesemua restoran KFC dan Pizza Hut bagi memberikan pengalaman terbaik dan menyeluruh buat pelanggan melangkaui kualiti makanan dan perkhidmatan yang disediakan.

Selepas majlis pelancaran itu, Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled bin Nordin melakukan tinjauan projek bagi menaiktaraf Terminal Larkin Sentral.

Terminal Larkin Sentral menjadi tumpuan lebih 27,000 pengunjung yang menggunakan pengangkutan awam dan membeli-belah setiap hari. Selaras dengan agenda Kerajaan Pusat dan Negeri untuk memartabatkan pengangkutan awam darat, JCorp melalui Waqaf Saham Larkin Sentral komited untuk merubah terminal pengangkutan tersebut sebagai hab pengangkutan yang moden dan selesa untuk pengguna.

Kerja menaiktaraf tersebut melibatkan dua komponen utama iaitu naik taraf fasiliti seperti platform bas, ruang menunggu dan kaunter serta kiosk pembelian tiket dan menaiktaraf sistem pembelian tiket berpusat ('E-Ticketing System') dan sistem menurunkan dan mengambil penumpang di platform ('Entry System').

Menerusi 'E-Ticketing System' ini, penumpang bas boleh membeli tiket secara 'on-line' atau di kaunter tiket berpusat atau di kiosk tiket yang telah disediakan dan hanya penumpang yang mempunyai pas berlepas sahaja yang dibenarkan untuk masuk ke balai berlepas dan menaiki bas. Perkhidmatan ini dijangka akan digunakan sepenuhnya bermula April 2018 dan kaunter tiket masih beroperasi seperti biasa sehingga tempuh tersebut.

Manakala untuk 'Entry System', hanya bas berdaftar sahaja dibenarkan masuk ke ruang platform dan mengambil penumpang.

Kerja menaik taraf terminal bermula Mac 2016 dan dijangka siap sepenuhnya pada Mac 2018 melibatkan nilai pembangunan RM15.7 juta.

Pada majlis yang sama, Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled bin Nordin melancarkan aplikasi 'E-Hailing Teksicoop'. Aplikasi mudah alih telefon pintar atau 'e-hailing' untuk mendapatkan perkhidmatan teksi itu mampu mendorong pemandu teksi meningkatkan mutu perkhidmatan seterusnya melahirkan pemandu celek IT.

Menerusi aplikasi ini, pemandu teksi berupaya mengimbangi tawaran perkhidmatan dengan permintaan mengikut arah aliran pasaran.

Turut hadir, Yang Berhormat Dato' Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor; YB Datuk Ir Haji Hasni bin Haji Mohammad, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah; YBhg Tuan Haji Rofiki Dato' Haji Samsuddin, Pegawai Daerah Johor Bahru; YB Tan Sri Haji Shahrir Abd Samad, Ahli Parlimen Johor Bahru; YB Datuk Adam Sumiru, ADUN Tanjung Puteri; Yang Berhormat Dato' Kamaruzzaman Abu Kassim, Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation dan Azizi A. Hadi, Ketua Pegawai Eksekutif, TM ONE.

-Tamat-

Dikeluarkan oleh: Johor Corporation Keterangan lanjut sila hubungi: Jabatan Komunikasi Strategik. Tel: 07-219 2692.
